

HLA Cash Builder pelan pendapatan fleksibel

HONG Leong Assurance Bhd (HLA) melancarkan pelan insurans hayat terbarunya dikenali HLA Cash Builder yang menawarkan fleksibiliti kepada pemegang polisi membina pendapatan, merancang bentuk perlindungan dan menentukan syarat pembayaran.

HLA dalam kenyataannya berkata, sejajar dengan nama pelan itu, HLA Cash Builder membenarkan pemegang polisi mempunyai fleksibiliti sepenuhnya untuk membina atau merangka pelan pendapatan mereka sendiri.

“Ini disebabkan setiap individu mempunyai keperluan simpanan berlainan, maka HLA Cash Builder menyediakan satu penyelesaian yang bukan konvensional sebaliknya lebih inovatif bagi memenuhi keperluan setiap individu,” katanya.

Ia berkata, pengenalan polisi itu ialah kerana semakin ramai pengguna yang inginkan pelan yang dapat menyediakan pembayaran tambahan berterusan daripada polisi insurans yang mereka beli bagi menampung keperluan seperti membayar yuran pengajian anak dan keperluan tambahan ketika

bersara.

“Dengan tumpuan untuk memenuhi keperluan yang khusus ini, HLA Cash Builder membolehkan pemegang polisi mendapatkan aliran pendapatan lebih pantas, lebih cepat dan lebih tinggi serta lebih fleksibel,” katanya.

HLA Cash Builder membolehkan pemegang polisi mempunyai kawalan penuh dalam merekabentuk aliran pendapatan yang ingin mereka terima setiap tahun menerusi rider Builder yang disertakan dengan pelan yang dibeli.

- Builder 1: Jaminan pendapatan tahunan satu peratus daripada jumlah rider yang diinsuranskan dari tahun pertama ke atas.

- Builder 2: Jaminan pendapatan tahunan dua peratus daripada jumlah rider yang diinsuranskan dari tahun kelima ke atas.

- Builder 3: Jaminan pendapatan tahunan tiga peratus daripada jumlah rider yang diinsuranskan dari tahun ke-10 ke atas.

- Builder 4: Jaminan pendapatan tahunan empat peratus daripada jumlah rider yang diinsuranskan dari tahun ke-20 ke atas.

Wakil HLA pada majlis pelan-



caran pelan itu di Kuala Lumpur baru baru ini, Loh Guat Lan, berkata pelan itu menawarkan komitmen jangka panjang antara enam hingga 10 tahun tetapi pemegang polisi boleh mendapat perlindungan insurans sehingga 35 tahun.

“Pengalaman kami sebelum ini mendapati pelanggan memilih untuk mempunyai komitmen pembayaran yang singkat tetapi mahukan perolehan aliran pendapatan dan jangka masa perlindungan yang lebih panjang. HLA Cash Builder direkabentuk untuk memenuhi keperluan itu,” katanya.

Jelasnya lagi, HLA Cash

Builder adalah pelan yang baik untuk menyimpan kerana selain mendapat jaminan pendapatan tahunan, pemegang polisi juga akan mendapat jaminan manfaat tempoh matang polisi seratus-peratus ke atas jumlah yang diinsuranskan.

“Tambahan kepada itu, mereka juga menikmati potensi keuntungan menerusi dividen tunai tahunan. Dalam jangka panjang pula mereka boleh mendapat pulangan stabil daripada simpanan.

“Ini menjadikan pelan kami berbeza daripada instrumen pelaburan lain yang memberikan pulangan yang tidak boleh dijangkakan,” katanya.